



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI SAINS C41 KONTRAK DI PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (MAKMAL BIOSERASI)

Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di CRIM, UKM bagi jawatan **PEGAWAI SAINS C41 SECARA KONTRAK** di **MAKMAL BIOSERASI** seperti maklumat dan keperluan berikut:

I. JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM GRED C41:

Gaji	Minimum	Maksimum
	RM2,317.00	RM 9,620.00
<hr/>		
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 300.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 300.00
<hr/>		
Kenaikan gaji tahunan	RM225.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Nota	Satu (1) Kekosongan	

II. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian.
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN KHUSUS DALAM:

- (a) Mempunyai pengalaman bekerja di bawah sistem kualiti makmal seperti OECD Good Laboratory Practice dan ISO 17025:2017.
- (b) Berpengetahuan tentang prosedur ujian seperti Garis Panduan Ujian OECD dan ISO 10993.
- (c) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (d) Mempunyai pengalaman dalam mengendalikan kultur sel dan kultur bakteria.
- (e) Mempunyai kemahiran komputer yang baik termasuklah penggunaan Microsoft Excel, Microsoft Word dan PowerPoint.
- (f) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.

IV. DESKRIPSI TUGAS:

- (a) Menjalankan ujian in vitro bioserasi dan toksikologi berdasarkan garis panduan ujian OECD dan ISO 10993.
- (b) Menyediakan protokol ujian dan laporan akhir berdasarkan prosedur operasi standard makmal.
- (c) Memastikan bekalan dan bahan ujian mencukupi untuk keperluan ujian makmal.
- (d) Melaksanakan kerja-kerja tentukuran, pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala terhadap peralatan makmal.
- (e) Membantu menyediakan dan mengemaskini prosedur-prosedur operasi standard makmal.
- (f) Membantu dalam melakukan validasi dan pembangunan untuk kaedah-kaedah ujian yang baru yang akan digunakan dalam makmal.
- (g) Bertanggungjawab untuk penerimaan, pengendalian, penyimpanan, dan pelupusan bahan ujian dan bahan rujukan mengikut prosedur operasi standard makmal.

CARA MEMOHON:

- a) Menghantar surat permohonan dengan mengemukakan **Latar Diri lengkap dengan sijil/dokumen berkaitan yang disahkan** dan dialamatkan kepada **Ketua Makmal Bioserasi, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi, 43600 UKM Bangi, Selangor.**
- b) Calon-calon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga secara dalaman di CRIM.
- c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Makmal Bioserasi

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi (CRIM)

Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
03-89213973 / 4280
e-mel : kmbioserasi@ukm.edu.my

Sila layari laman sesawang berikut untuk maklumat lanjut berkaitan kami http://www.ukm.my/makmal_bioserasi/

Tarikh Buka Iklan : 6 Mei 2021 (Khamis)
Tarikh Tutup Iklan: 28 Mei 2021 (Jumaat)